

**KETUHANAN DALAM PUISI-PUISI ABIZAI DARI  
PERSPEKTIF TEORI TAKMILAH**

**HELMI BIN YAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2022**

**KETUHANAN DALAM PUISI-PUISI ABIZAI DARI  
PERSPEKTIF TEORI TAKMILAH**

oleh

**HELMI BIN YAN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Jun 2022**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan lagi Maha Penyayang. Syukur alhamdulillah kepada Allah SWT kerana dengan limpahan izin-Nya, kajian bertajuk ‘Ketuhanan dalam Puisi-puisi Abizai dari Perspektif Teori Takmilah’ ini telah berjaya disiapkan. Usaha menyiapkan kajian ini tidak akan berhasil sekiranya tidak mendapat kerjasama yang erat daripada beberapa pihak yang menjadi tulang belakang dalam memberi tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan dalam usaha menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia yang dihormati, Dr Roslan Chin kerana tidak jemu mendorong, membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang bergelut dengan kajian tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Sakinah Abu Bakar dan Dr. Membunga @ Siti Mariam Yaacob atas sokongan, perhatian dan tunjuk ajar sepanjang mengalas tanggungjawab sebagai penyelia sebelum ini dan tidak jemu-jemu terus memberi bimbingan serta sokongan untuk menyiapkan kajian ini walaupun telah bersara.

Seterusnya, penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi Mara (Kampus Samarahan) Sarawak serta Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak atas bahan-bahan rujukan yang diperolehi sebagai sumber rujukan dalam menyiapkan tesis ini. Selain itu, tidak dilupakan rakan sepengajian Khairah Abdul Hamid di atas kesanggupan untuk meluangkan masa mencari dan berkongsi bahan, idea dan kritikan yang membina dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada isteri tercinta Marinawati Binti Mahli yang sentiasa menjadi penyokong kuat, pendorong serta penguat semangat di kala patah semangat dan hampir tewas dalam menempuhi saat-saat sukar sepanjang tempoh pengajian yang mencabar serta sentiasa menuntut usaha keras, pengorbanan masa dan tenaga untuk menyiapkan kajian ini. Buat anak-anak tersayang, Nurun Hani Zahira, Muhammad Haziq, Muhammad Hafiz dan Nurin Zara Aisya yang menjadi sumber inspirasi, kekuatan dan pembakar semangat untuk menamatkan pengajian di peringkat sarjana. Buat insan paling istimewa iaitu ibu dan ayah, Saadiah Bte Den dan Yan Bin Juaini diatas galakan dan dorongan sejak dari kecil sehinggalah sekarang. Sumbangan jasa anda semua amat dihargai.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>vii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>viii</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>ix</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xi</b>
<b>BAB 1            PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan .....	1
1.2    Latar Belakang.....	10
1.3    Permasalahan Kajian .....	25
1.4    Objektif Kajian .....	28
1.5    Skop Kajian .....	28
1.6    Kepentingan Kajian.....	29
1.7    Kerangka Teori.....	30
1.8    Tinjauan Kajian Lepas.....	32
1.8.1    Kajian Lepas Berkaitan Puisi-Puisi Abizai .....	32
1.8.2    Kajian Lepas Berkaitan Teori Takmilah .....	40
1.8.3    Kajian Lepas Berkaitan Ketuhanan dan Dakwah dalam Puisi .....	48
1.8.4    Kajian Lepas Berkaitan Estetika dalam Puisi .....	52
1.9    Difinisi Istilah.....	55
1.9.1    Ketuhanan.....	55
1.9.2    Dakwah.....	62
1.9.3    Estetika .....	69
1.10   Organisasi Kajian .....	72

1.11	Kesimpulan.....	72
<b>BAB 2</b>	<b>METODOLOGI.....</b>	<b>74</b>
2.1	Pengenalan .....	74
2.2	Teori Takmilah.....	77
2.2.1	Prinsip-prinsip Teori Takmilah .....	80
2.3	Metodologi .....	87
2.4	Kesimpulan.....	89
<b>BAB 3</b>	<b>KETUHANAN DALAM PUISI-PUISI ABIZAI.....</b>	<b>90</b>
3.1	Pengenalan .....	90
3.2	Iman dan Takwa dalam Puisi Abizai.....	91
3.3	Kesimpulan.....	125
<b>BAB 4</b>	<b>DAKWAH DALAM PUISI-PUISI ABIZAI.....</b>	<b>127</b>
4.1	Pengenalan .....	127
4.2	Dakwah melalui Puisi Abizai .....	128
4.3	Kesimpulan.....	158
<b>BAB 5</b>	<b>ESTETIKA DALAM PUISI-PUISI ABIZAI .....</b>	<b>160</b>
5.1	Pengenalan .....	160
5.2	Keindahan Struktur .....	162
5.3	Keindahan Bahasa .....	169
5.4	Keindahan Teknik .....	193
5.5	Keindahan Bentuk .....	216
5.6	Kesimpulan.....	240
<b>BAB 6</b>	<b>PENUTUP.....</b>	<b>242</b>
	<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>251</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

**Muka surat**

Jadual 1.5.1	Senarai kumpulan puisi-puisi pilihan Abizai.....	29
--------------	--	----

## SENARAI RAJAH

### Muka surat

Rajah 1.7.1	Kerangka Teori Perspektif Takmilah dalam puisi-puisi Abizai.....	31
Rajah 5.1	Sajak Abizai berstruktur Piramid dari sudut pandang sisi.....	163
Rajah 5.2	Sajak Abizai berstruktur sebuah kapal dari sudut pandang sisi.....	165
Rajah 5.3	Sajak Abizai berstruktur sayap seekor rama-rama dari sudut pandang sisi.....	168

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Senarai Puisi-Puisi Kajian
Lampiran B	Kajian Data Bab 3
Lampiran C	Kajian Data Bab 4
Lampiran D	Kajian Data Bab 5
Lampiran E	Rakaman soal Jawab bersama Abizai

# KETUHANAN DALAM PUISI-PUISI ABIZAI DARI PERSPEKTIF TEORI TAKMILAH

## ABSTRAK

Abizai (Zainal Abidin Hj Suhaili) merupakan penulis Sarawak yang dikaitkan dengan penulisan puisi Islam. Abizai banyak mengungkapkan tema kerohanian dan keindahan bahasa dalam karya tulisannya. Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek ketuhanan, mengenal pasti elemen-elemen dakwah dan menganalisis unsur estetika dalam puisi-puisi Abizai. Kaedah kajian yang digunakan ialah analisis kandungan. Tujuh kumpulan puisi yang dikaji ialah *Seekor Kelawar di Kamar Pengantin*, *Mengenal yang Asal*, *Membentuk Elok di Teluk Esok*, *Sang Kelawar Kesiangan*, *Sinar Benar*, *Merdeka Burung* dan *Kitab Rahsia*. Teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar digunakan untuk menganalisis kumpulan puisi tersebut. Prinsip-prinsip dalam Teori Takmilah yang dimanfaatkan untuk kajian ini ialah prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal* (sempurna), prinsip khalayak bertujuan memupuk ke arah insan *kamil* (sempurna) dan prinsip sastera yang berciri estetika dan bersifat *takmilah* (sempurna dan menyempurnakan). Dapatan kajian mendapati bahawa prinsip ketuhanan yang bersifat *kamal*, melalui garapan tema ketuhanan terpamer dengan jelas sebagai wadah ketauhidan dalam puisi-puisi Abizai. Keimanan dan ketakwaan menjadi landasan dalam mengajak khalayak meletakkan tahap kepercayaan tentang kewujudan Allah SWT melalui ciptaan-Nya. Berasaskan prinsip khalayak bertujuan memupuk ke arah insan *kamil*, menggambarkan keperibadian penyair sebagai seorang insan yang cenderung kepada tema ketuhanan dan kerohanian, lantas menjadikan karya-karya Abizai sebagai wadah untuk berdakwah

serta membentuk insan *kamil* dari segi akhlak dan pelaksanaan syariat Islam. Berasaskan prinsip sastera yang berciri estetika dan bersifat takmilah, yakni sempurna dan menyempurnakan, didapati sajak-sajak Abizai sarat dengan aspek keindahan *lahiriah* yang merangkumi aspek struktur, teknik, bahasa dan bentuk. Puisi-puisi beliau juga didapati menitikberatkan aspek-aspek pemilihan diksi yang tepat dan sesuai dengan makna yang ingin diluahkan dalam menyampaikan mesej-mesej keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Puisi-puisi Abizai amat relevan dengan keadaan dan keperluan semasa dari segi tema, makna dan peranannya sebagai karya yang bermutu dan berperanan dalam masyarakat. Puisi-puisinya layak dijadikan sumber pendidikan kepada masyarakat dalam soal keimanan dan akhlak seorang manusia kepada penciptanya, serta sebagai satu kaedah untuk menyebarkan dakwah dalam mengajak khalayak kepada kebaikan tanpa mengabaikan keindahan estetika dalam setiap karyanya.

# **DIVINITY IN ABIZAI'S POEMS FROM THE PERSPECTIVE OF TEORI TAKMILAH**

## **ABSTRACT**

Abizai (Zainal Abidin Hj Suhaili) is a Sarawakian writer who is associated with Islamic poetry writing. Abizai often expresses spiritual theme and arty language in his works. This study intends to explore divinity aspects, identify preaching elements, and analyse the aesthetics in his poems. Research methodology that is used here is content analysis. Seven poem collections that were studied are *Seekor Kelawar di Kamar Pengantin*, *Mengenal yang Asal*, *Membentuk Elok di Teluk Esok*, *Sang Kelawar Kesiangan*, *Sinar Benar*, *Merdeka Burung* and *Kitab Rahsia*. Takmilah theory that was proposed by Shafie Abu Bakar is adopted to analyse the poem collections. The principles in Takmilah theory that were chosen for this study are the principle that Divine is kamal (perfect), the principle that the audience are edified to be insan kamil (perfect beings) and the principle that literature is aesthetic and takmilah (complete and complementary). Findings show the principle that Divine is kamal, through the use of divinity theme is clearly shown as repository of oneness in Abizai's poems. Piety and obedience become the way of encouraging the audience to have faith in the existence of Allah SWT through His creation. Based on the principle that edified the audience to be insan kamil, describing the poet personality as someone that is prone towards divine and spiritual theme made Abizai's works as a medium to preach and nurture insan kamil in terms of moral and implementation of Islamic law. Based on the principle that literature is aesthetics and takmilah which means complete and complementary, Abizai's poems are found to be heavy with the

elements of distinct aestheticism that includes structure, technique, language, and form aspects His poems have also emphasized the aspects of choosing the correct diction and in accordance with the meaning to be expressed in conveying the messages of piety and obedience to Allah SWT. Abizai's poems are very relevant in the current situation and needs in terms of theme, meaning and role as a quality work as well as in society. His poems deserve to be used as a learning material for society in matters of faith and morals of a human being to his creator, as well as as a method to spread preaching in encouraging the audience towards kindness without ignoring the beauty in each of his works.

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Menurut pendeta bahasa, Za'ba, puisi ialah karangan berangkap yang khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah, dan melukiskan kemanisan dan kecantikan. Karangan berangkap juga merujuk kepada bentuk puisi yang dibangunkan dengan keindahan bahasa bagi menyampaikan tentang hal-hal yang indah dan bermakna, bukan sahaja pada bentuk dan rima bahasanya tetapi juga pada makna yang berupaya membijaksanakan khalayak. Za'ba mengatakan bahawa karangan berangkap ialah karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyi atau rentaknya atau isinya, serta kebanyakan memakai timbangan atau sukatan yang tertentu. Menurut Nurazmi Kuntum (1991:25), puisi adalah sebuah karangan berangkap yang mementingkan irama, suku kata dan pilihan kata-kata. Manakala menurut Anis Sabirin (1972:2), puisi Melayu adalah satu cabang kesenian yang disebut kesusasteraan yang bererti indah, berirama dan mempunyai bentuk.

Puisi Melayu tergolong dalam genre tradisional yang muncul pada zaman sebelum berkembangnya tradisi tulisan dan percetakan. Puisi dalam bahasa Melayu begitu dekat dengan jiwa masyarakat Melayu, bukan sebagai suatu kesenian semata-mata, tetapi juga menjangkau alam mistik, berperanan sebagai wadah pemeliharaan adat, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pengajaran ilmu pengasih, pertahanan, hiburan dan kepercayaan. Hal yang sama juga diungkapkan oleh Muhammad Haji

Salleh (2006:56-57) yang menjelaskan bahawa fungsi sesebuah karya sastera itu dihasilkan adalah untuk berhibur, memberi pengajaran dan juga membentuk keindahan. Menurut beliau juga, fungsi sesebuah karya sastera itu dilihat menerusi bentuk, rima dan penceritaan yang terdapat di dalamnya. Selain itu, Arifin Said (1994:Viii) menjelaskan, puisi Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai keindahan dan memberi hiburan kepada khalayak, tetapi juga mempunyai fungsi utama dalam kehidupan seperti jampi serapah yang digunakan oleh orang-orang tertentu dalam masyarakat yang berfungsi untuk menyembuhkan penyakit.

Tidak dapat dipastikan tarikh sebenar sejarah bermulanya perkembangan puisi Melayu tradisional. Menurut Zahir (2005), kesusasteraan Melayu dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu kesusasteraan Melayu tradisional dan kesusasteraan Melayu moden. A. Halim (2013) mengatakan bahawa tahun 1900 dianggap sebagai garis pemisah antara kedua-dua blok kesusasteraan tersebut. Menurutnya lagi, puisi Melayu tradisional dalam bentuk berangkap yang tersusun dengan susunan dan bahasa yang indah, bertujuan melahirkan fikiran dan pengalaman hidup. A. Halim (2013) turut menyenaraikan puisi Melayu tradisional di bawah tiga kelompok, iaitu puisi tradisional warisan Melayu seperti pantun, gurindam, seloka, teromba, taliban, mantera dan peribahasa berangkap. Kelompok kedua ialah puisi tradisional warisan Islam seperti syair, nazam, ruba'i, qit'ah, ghazal, masnawi dan berzanji; manakala kelompok ketiga ialah puisi tumpang seperti rejang, endoi, teka-teki dan zikir. Jelasnya puisi adalah sebuah karangan berangkap yang dihasilkan melalui pemilihan kata yang disusun dalam sesebuah rangkap. Penghasilan sesebuah puisi mengandungi fungsi-fungsi yang tersendiri dan mempunyai tugas serta tanggungjawab dalam kehidupan sesebuah masyarakat.

Puisi Melayu Moden di Tanah Melayu pada peringkat awalnya dipelopori oleh Omar Mustaffa. Puisinya “Angan-angan dengan Gurindam” yang tersiar dalam *Utusan Melayu* pada 18 Julai 1913 (Shafie Abu Bakar: 1997), biarpun dianggap gurindam oleh Omar sendiri, ternyata memuatkan semangat dan sikap baru. Menurut Abdul Halim Ali (2013), Puisi “Angan-angan dengan Gurindam” bukannya sebuah puisi tradisional, kerana struktur binaan dan komposisi diksinya tidak terikat pada mana-mana ciri khusus puisi tradisional. Tema puisi tersebut yang memaparkan kritikan terhadap orang Melayu yang membiarkan hasil negaranya dieksploitasi oleh bangsa lain, merupakan isu yang bersifat semasa dan relevan dengan kehidupan masyarakat pada era berkenaan. Hal ini menjadikan puisi “Angan-angan dengan Gurindam” berbeza daripada puisi-puisi tradisional. Oleh yang demikian, Shafie Abu Bakar (1997) berpendapat, sewajarnya Omar Mustaffa dinobatkan sebagai pelopor dan pemula tradisi perpuisian Melayu Moden di Malaysia.

Dengan tersiarnya puisi tersebut, penciptaan puisi moden tanah Melayu menunggu selama hampir 20 tahun, iaitu bermula pada awal tahun 1930-an, untuk menyaksikan kegiatan menulis puisi mula rancak kembali dengan kemunculan Mahmud Ahmad menerusi puisi “Sedarlah” dan Harun Aminurrasyid menerusi puisi “Sedar Sekarang” dan “Rayuan Bangsaku” (Abdul Halim Ali: 2013). Walau bagaimanapun, puisi mereka dikatakan lebih terikat kepada bentuk syair dan seloka. Antara penyair lain yang menonjol ialah Kasmani Haji Arif yang turut menghasilkan beberapa buah puisi seperti “Ajakan”, “Rahsia Kemenangan”, “Oh! Mawar”, “Selamat Hari Raya”, “Ratapan Anak Jiwa”, “Anak Yatim” dan “Islam” (Abdul Halim Ali: 2013). Walau bagaimanapun, puisi-puisi berkenaan masih

dipengaruhi oleh puisi tradisional, khususnya dari segi bentuk dan gaya bahasa. Sebuah lagi puisi karya Kasmani Haji Arif ialah “Pertanyaan Sukma” yang disiarkan dalam *Warta Jenaka* pada 1 Februari 1937 (Abdul Halim Ali: 2013). Puisi tersebut memperlihatkan penyimpangan yang nyata daripada bentuk pantun dan syair dengan memaparkan persoalan politik. Seorang lagi tokoh penyair yang banyak menghasilkan puisi pada peringkat awal ialah Muhammad Yassin Ma’amor (Punggok) melalui puisi-puisinya, iaitu “Di Tengah Sengara”, “Selalu Merayu”, “Pujukan Hati”, “Keluh Kesah”, “Ibuku”, “Waktu Senjakala”, “Nasihat Wang”, “Adindaku Sayang”, “Oh...Tuhan” dan “Tanpa Sajak” (Abdul Halim Ali: 2013). Sajak-sajak berkenaan masih dipengaruhi oleh bentuk puisi tradisional, khususnya syair dan seloka. Walaupun begitu, Muhammad Yassin Ma’amor telah membawa pembaharuan dan kelainan dalam puisinya melalui puisi “Tak Disangka-sangka” yang tersiar dalam *Majalah Guru* pada bulan Mac 1934 (Abdul Halim Ali: 2013). Pada puisi tersebut telah ditemui penyimpangan daripada peraturan puisi-puisi Melayu tradisional yang ketat, khususnya dari segi bentuk dan gaya bahasa.

Lanjutan daripada perkembangan puisi Melayu moden yang tumbuh dan berkembang dengan pesat sekali, pelbagai tema dan persoalan diketengahkan oleh para penyair, bersesuaian dengan zaman mereka dan harapan mereka seputar persoalan kehidupan yang berkaitan dengan hubungan dengan pencipta, hubungan sesama manusia, dan hubungan manusia dengan alam. Hal ini lebih jelas ketika menelusuri sejarah pertumbuhan dan perkembangan puisi Melayu moden.

Pada tahun 1940-an, yang juga dikenali sebagai era pendudukan Jepun, penghasilan puisi agak lesu dan lembab kerana tidak ramai penyair yang melibatkan

diri secara aktif dalam penghasilan puisi pada waktu itu oleh sebab kawalan yang dibuat oleh pihak pemerintah (Shafie Abu Bakar: 1997), seperti kawalan ketat terhadap akhbar dan majalah-majalah. Kecenderungan penyair pada ketika itu lebih tertumpu kepada semangat Asia untuk Asia. Puisi-puisi yang dihasilkan pada ketika itu termuat dalam majalah-majalah seperti *Berita Malai*, *Fajar Asia*, *Semangat Asia*, *Sinaran Matahari*, *Matahari Memancar* dan *Suara Timur* (Shafie Abu Bakar, 1997:108).

Antara penyair yang menghasilkan puisi bertemakan semangat Asia dalam dekad 40-an ini ialah Bachtiar Effendi. Puisi beliau, iaitu “Kewajipan Kita Segala” begitu menyanjung dan memuji pemerintahan Jepun (Nippon) sebagai Pembela Masyarakat Asia (Abdul Halim Ali: 2013). Seorang lagi penyair era pemerintahan Jepun ialah Hs. Latif. Beliau dalam puisinya, iaitu “O Malai...” juga turut memuji Jepun sebagai perwira yang datang untuk membela masyarakat tempatan dari cengkaman penjajah Inggeris (Abdul Halim Ali: 2013). Selain Bachtiar Effendi dan Hs. Latif, penyair-penyair lain yang menghasilkan karya pada era pemerintahan Jepun ialah A.Murni dengan puisi “Pelaut Purba”, Ahmady Asmara dengan puisi “Fajar Menyingsing”, Juwita Murni dengan puisi “Di Pagi Hari”, M. Kidin dengan puisi “Bunga Harapan”, Ros Melaka dengan puisi “Kenang-kenangan”, Taharuddin Ahmad dengan puisi “Ke Taman Asia” dan Sharif Sukar dengan puisi “Darah Perjuangan” (Kamaruzzaman Abdul Kadir: 1989).

Tahun 1950-an merupakan era pramerdeka dan dianggap tahun-tahun penting dalam perjalanan perkembangan puisi tanah air. Penyair-penyair lebih memfokuskan tema kemerdekaan, nasionalisme bernada patriotik dan antipenjajah.

Menurut Abdul Halim Ali (2013), era pramerdeka telah menyaksikan kemunculan penyair baru dan berbakat, seperti Usman Awang, Afrini Adham, A. Samad Said, Noor S.I, Suhaimi Haji Muhammad, A.S. Amin, M. Ghazali dan lain-lain lagi.

Para penyair pada era pramerdeka mula memfokuskan tema kemerdekaan untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat. Afrini Adham misalnya, menerusi puisi berjudul “Ke Arah Kemerdekaan” yang disiarkan dalam *Suara UMNO* pada 1 April 1954 dan “Malaya Pasti Merdeka” yang disiarkan dalam *Malaya Merdeka* pada tahun 1955 menggambarkan sikap optimis menuju ke arah kemerdekaan (Abdul Halim Ali: 2013). Penyair Usman Awang pula giat menghasilkan puisi beraliran romantisme dengan bahasa yang cukup indah. Usman Awang bijak mengadun sikap dan pemikirannya dengan lenggok bahasa yang berteraskan tradisi. Oleh itu tidak hairanlah jika Usman Awang adalah tokoh yang paling diingat oleh setiap pembicara puisi Melayu moden. Menurut Shafie Abu Bakar (1997), “Topik-topik yang sering dibangkitkan ialah berhubung pembelaan rakyat, tetapi nada yang dibawanya bersifat romantik”. Keprihatinan Usman Awang terhadap nasib kaum buruh dipaparkan menerusi puisi “Nasib Buruh”.

Dalam tahun 1960-an, muncul tokoh-tokoh puisi Malaysia seperti Kemala, Dharmawijaya, A. Wahab Ali, Nahmar Jamil, T. Alias Taib dan Firdaus Abdullah. Suhaimi Haji Muhammad, Kassim Ahmad dan Latiff Mohidin juga muncul pada era yang sama untuk menyemarak dan merancakkan dunia penulisan puisi di Malaysia. Manakala A Ghafar Ibrahim memberikan sumbangan terhadap perkembangan sajak-sajak konkrit dan audio visual, sejajar dengan puisi-puisi Sutardji Calzoum Bachri, seorang penyair Indonesia. Menurut Abdul Halim Ali (2013), Usman

Awang ialah antara penyair prolific yang telah menghasilkan antologi puisinya yang berjudul *Gelombang* pada tahun 1960. Manakala Masuri S.N. pula muncul dengan kumpulan puisinya yang berjudul *Warna Suasana* (1962) dan *Bunga Pahit* (1967) dan Kassim Ahmad dengan *Kemarau di Lembah* (1967).

Dekad 1970-an ialah dekad yang dianggap telah menampilkan puisi Melayu moden Malaysia. Gaya pengucapan penyair pada dekad ini berisi kekayaan estetika baharu sajak-sajak Malaysia. Dalam dekad ini juga, muncul sajak-sajak yang memperlihatkan perbezaan ketara antara puisi Melayu moden dengan puisi Melayu tradisional. Shafie Abu Bakar (1997) menganggap bahawa era 1970-an merupakan era perubahan yang ketara dalam perkembangan puisi Melayu moden.

Dekad 50-an dan 60-an menyaksikan Usman Awang yang patuh pada keindahan bahasa dan nada yang romantik. Begitu juga dengan Kassim Ahmad yang bertegas tentang kepentingan isu sosial dalam gaya yang segar. Dekad 1970-an diperkukuhkan dengan kehadiran beberapa orang penyair yang lebih memberatkan estetika puisi. Penyair-penyair yang dimaksudkan ialah Kemala, Muhammad Haji Salleh, Baha Zain, Latiff Mohidin, A. Wahab Ali, Siti Zainon Ismail, Zurinah Hassan, dan Lim Swee Tin. Masih ada penyair lain yang sesuai disenaraikan, namun nama-nama yang dicatat itu ternyata telah meletakkan puisi moden Malaysia pada tahap yang membanggakan.

Secara umumnya, khalayak mengenali puisi-puisi mereka. Kemala membawa tema pemikiran keagamaan dalam gaya yang akrab dengan suasana yang dimaksudkannya. Penyair ini juga berupaya menghasilkan puisi-puisi patriotik dan

juga karya-karya yang memuatkan pengalaman peribadi. Muhammad Haji Salleh sering dikaitkan dengan puisi-puisi intelektualisme. Hal yang penting dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh ialah pengurangan penekanan terhadap emosi. Muhammad Haji Salleh mengolah ketebalan emosi dalam puisi-puisi yang lebih awal dan berazam untuk menipiskannya.

Puisi-puisi Baha Zain yang menarik ialah puisi-puisi konfesionalnya. Penyair ini menjadikan persajakan sebagai autobiografi yang tersembunyi. Dalam sejumlah puisi Baha Zain yang berkesan, wujud ‘watak’ yang menghadapi masalah akibat pemilihan kegelapan yang menyeronokkan. Ternyata Baha Zain ialah pancaran dari Indonesia yang masuk melalui tingkap pengajiannya. Baha Zain mungkin amat menyenangkan penyair-penyair Indonesia yang berkeahlian dalam penyampaian tema-tema sedemikian. Untuk satu jangka waktu, Baha Zain dapat dikaitkan dengan penyair Indonesia, W.S Rendra, meskipun kita sedar bahawa Rendra jauh lebih prolifik dan konsisten dalam penyampaian tema-temanya.

Latiff Mohidin berbeza daripada Baha Zain. Penyair ini mencintai alam, termasuk konsep-konsep yang menyatakan kesepian serta aneka suasana. Latiff Mohidin melihat dirinya seperti melihat orang lain, tetapi tumpuannya ialah alam, iaitu dirinya dan orang lain ialah sebahagian daripada alam. Penyair pelukis ini pernah mengetuai kumpulan Anak Alam, satu kumpulan seniman yang cuba berkongsi idea bahawa manusia tidak lain daripada bahagian alam. Puisi terkemuka Latiff Mohiddin iaitu “Sungai Mekong” menyatakan hasrat penyatuannya dengan bahagian-bahagian lain alam, dengan kata-kata *kaki kananku ke bulan/ kaki kiriku ke matahari*.

A. Wahab Ali yang pada satu waktu lebih berat ke arah nasionalisme dengan agak ketara lebih memberatkan agama dalam dekad 1970-an. Di samping itu, sebahagian puisinya amat tajam dengan kritikan dan sindiran. A. Wahab Ali berbeza daripada Siti Zainon Ismail yang rajin mengutip bahan-bahan kesenian, atau bahan-bahan yang dapat dilihatnya sebagai berseni. Puisi-puisi Siti Zainon amat lembut, dan dalam kelembutan itu termuat idea yang tersembunyi. Ketersembunyian idea itu disebabkan oleh kegemaran dan penekanan Siti Zainon terhadap citra dan keinginannya yang berkisar secara berahsia.

Puisi-puisi di Malaysia dekad 1970-an tidak pernah menunjukkan arah kemunduran. Dalam era ini, puisi mengalami perubahan dan peningkatan yang ketara (Shafie Abu Bakar, 1997:126). Memang benar jika dikatakan amat banyak puisi tidak bermutu ditulis dalam jangka masa 35 tahun ini, tetapi dalam menyatakan mutu puisi sesebuah negara, hanya yang terpilih diambil kira. Penulisan puisi di Malaysia menerima kehadiran penyair baharu pada dekad 1980-an dan seterusnya. Kini, kehadiran Zaen Kasturi dan Rahimidin Zahari dianggap memberangsangkan, di samping kemunculan penyair yang juga seorang profesor pergigian dan pentadbir akademik, Hashim Yaacob. Hashim muncul terkemudian kerana sebelumnya beliau tidak berkeyakinan akan bakatnya. Hashim Yaacob lebih dekat dengan cabang-cabang seni tradisional, meminati bangsawan dan melibatkan diri dalam permainan wayang kulit. Oleh itu, dalam bidang puisi, beliau kerap mengambil citra dan kisah silam untuk dikedepankan sebagai bahan pemikiran tentang masa kini.

## 1.2. LATAR BELAKANG

Memandangkan Abizai ialah seorang penyair daripada Sarawak, maka penyelidikan ini melakukan tinjauan berkaitan perkembangan puisi di negeri Sarawak. Di Sarawak, kesusasteraan Melayu bercetak telah bermula sejak tahun 1876 apabila terbit buku berjudul *Hikayat Panglima Nikosa* karangan Ahmad Syawal Abdul Hamid di Bandar Kuching (Hamzah Hamdani, 2004). Fakta ini memberi makna bahawa sudah lebih satu abad kesusasteraan Melayu moden tumbuh dan berkembang di Sarawak. Disebabkan tidak adanya usaha penyelidikan yang meluas dan mendalam sehingga kini, sejarah pertumbuhan dan perkembangan tersebut kurang diketahui oleh para pembaca. Keadaan demikian menyebabkan timbulnya anggapan bahawa Sarawak tandus daripada pertumbuhan dan perkembangan bakat serta karya sastera. Berdasarkan beberapa penyelidikan yang telah dilakukan, ternyata anggapan demikian tidak benar. Banyak hasil karya para penulis setempat telah lahir dalam tempoh lebih seabad yang lalu. Walau bagaimanapun, kalau dibandingkan dengan perkembangan sastera Melayu di Persekutuan Tanah Melayu, perkembangan sastera Melayu di Sarawak tidak pesat kerana para penulis menghadapi masalah media penampungan yang mantap.

Peristiwa sastera yang penting sebagai penanda aras bermulanya tradisi sastera Melayu moden di Sarawak ialah penerbitan sebuah buku berjudul *Hikayat Panglima Nikosa* karya Ahmad Syawal Abdul Hamid. Buku ini dicetak sendiri oleh pengarangnya di Bukit Persinggahan, Kuching. Naskhah buku ini baru ditemui di Perpustakaan Rhodes House, Oxford, London, dalam koleksi Sir Hugh Low yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha kerajaan di Labuan selama 28 tahun (1848 –

1976). Penulis buku tersebut, Ahmad Syawal Abdul Hamid berasal dari Sumatera dan telah dibawa ke Sarawak oleh James Brooke untuk bertugas sebagai jurutulis. Beliau juga menjadi guru Bahasa Melayu kepada para pegawai kerajaan Brooke.

Satu lagi peristiwa sastera yang penting berlaku pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua ialah penerbitan novel setebal 116 muka surat berjudul *Melati Sarawak*. Novel ini diterbitkan pada tahun 1932 di Kuching dan telah selesai dikarang oleh Muhammad Rakawi Yusuf pada penghujung tahun 1931 (Hamzah Hamdani, 2004). Meskipun novel ini ialah novel yang awal di Sarawak, namun berdasarkan persoalan yang dipaparkan, ternyata pengarangnya tidak menyadurkan novel-novel yang pernah diterbitkan di Persekutuan Tanah Melayu ataupun tempat-tempat lain. Watak dan perwatakan, latar dan persoalan yang dikemukakan adalah bernafaskan kehidupan sezaman penduduk Sarawak sekitar tahun 1930-an. Pengarang memanfaatkan bentuk sastera ini untuk menyedarkan masyarakat Melayu yang masih terlena dalam keseronokan hidup agar berjuang memperbaiki taraf hidup mereka. Perjuangan ini adalah lanjutan daripada perjuangan pengarangnya sewaktu mengusahakan penerbitan akhbar *Fajar Sarawak*.

Pada tahun 1948 selepas perang dunia kedua, telah muncul sebuah akhbar bernama *Utusan Asas* yang kemudian ditukarkan namanya kepada *Utusan Sarawak* pada 16 Januari 1949. Penerbitnya ialah Abang Ikhwan Zainie dan diterbitkan di Kuching. Akhbar ini telah terbit sehingga 30 Januari 1971 dan sepanjang tempoh 22 tahun, akhbar ini telah menjadi wadah penampung karya para penulis, terutamanya sajak dan cerpen. Di samping itu muncul pula tulisan-tulisan yang bersifat 'kritikan', iaitu ulasan sajak dan cerpen yang disiarkan dalam akhbar tersebut.

Meskipun sajak dan cerpen dalam *Utusan Sarawak* belum mencapai mutu penulisan yang tinggi, namun harus diakui bahawa karya sastera tersebut telah mencerminkan pemikiran masyarakat Melayu Sarawak pada zamannya. Sajak-sajak yang terbit pada tahun 1949 bertemakan antipenjajah kerana pada waktu tersebut orang Melayu di Sarawak sedang menentang rancangan penyerahan negeri itu kepada kerajaan kolonial Inggeris. Jadi lahirlah *Utusan Sarawak* yang bertujuan menyedarkan penduduk bumiputera Sarawak, khasnya orang Melayu tentang betapa pentingnya kuasa politik untuk menjamin hak-hak mereka setelah Sarawak dikuasai oleh kerajaan kolonial Inggeris.

Penubuhan Biro Kesusasteraan Borneo (*Borneo Literature Bureau*) pada tahun 1959 sehingga tahun 1976, telah menjadi sumber kehidupan kepada perkembangan kesusasteraan Melayu di Sarawak melalui siri peraduan penulisan anjurannya. Sepanjang penubuhannya, biro ini telah menerbitkan 34 judul buku karya kreatif dalam bahasa Melayu karangan para penulis dari Sarawak, Sabah dan Brunei. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 judul ialah karya penulis-penulis Sarawak (empat novel, enam antologi sajak dan lima antologi cerpen). Antara penulis yang aktif dengan biro ini ialah Madzhi Johari, Salbiah Painah, Latifah Haji Shebli, Maliah Haji Shebli dan Ahmad Sabu. Di samping menerbitkan buku, biro ini juga menerbitkan majalah-majalah untuk peringkat kanak-kanak berjudul *Pelita Pelajar* dan *Perintis*. Meskipun Biro ini bergiat dalam tempoh yang agak lama, namun mutu kesusasteraan Melayu dalam penerbitannya tidak begitu memuaskan. Penumpuan kegiatan penerbitan Biro Kesusasteraan Borneo ini meliputi pelbagai bahasa seperti Cina, Iban dan Bidayuh di samping Bahasa Melayu dan Inggeris. Oleh sebab itu, tiada usaha yang sungguh-sungguh untuk memajukan bahan

kesusasteraan berbahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sumbangan yang telah diberikan oleh biro ini tetap mempunyai makna yang tersendiri dalam sejarah perkembangan Melayu di Sarawak.

Penerbitan *Akhbar Sinar/Mingguan Sinar* pada tahun 1975 turut memberi sumbangan kepada perkembangan sastera di Sarawak dengan menyiarkan sajak, cerpen dan rencana berkaitan isu bahasa dan sastera (hanya 14 keluaran sahaja). Pada tahun 1978, akhbar ini muncul kembali tetapi tumpuannya lebih kepada isu politik dan diedarkan secara percuma.

Pada awal tahun 1970-an, kesusasteraan Melayu di Sarawak turut digerakkan oleh Persatuan Bahasa dan Sastera Malaysia, Sarawak (PEBAS) yang bergabung dalam Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA). Pada tahun 1974, PEBAS dan GAPENA telah menganjurkan acara Hari Sastera Ketiga di Kuching. Peristiwa ini mencatat sejarah kerana PEBAS berhasil menjadi pelopor yang memainkan peranan memperkembangkan kesusasteraan Melayu Sarawak hingga ke peringkat kebangsaan. PEBAS juga berusaha menerbitkan karya ahli-ahlinya dalam bentuk stensilan seperti *Warta PEBAS* dan *Antologi Karya Sarawak*. Selepas tahun 1975, PEBAS tidak aktif lagi meskipun ia masih wujud sehingga sekarang. Pada era ini, beberapa orang penulis yang menonjol ialah Adi Badiozaman Tuah, Nawawi Abdul Rahman, A.B. Nor, Saiee Driss, Jeli Bohari Biha, Latifah Haji Shebli dan Salbiah Painah.

Persatuan penulis kembali aktif setelah lahirnya Angkatan Karya Sarawak pada tahun 1979 dan Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) pada tahun 1980

di Miri. Pengerak badan-badan ini, antaranya ialah Adi Badiozaman Tuah, Saiee Driss dan A.B Nor, telah melaksanakan pelbagai kegiatan seperti pementasan drama, pembacaan puisi, diskusi dan penerbitan. PUTERA berjaya menerbitkan *Majalah Sukses* yang memuatkan karya sastera (hanya dua keluaran sahaja) dan menganjurkan siri Seminar Manifestasi Budaya Sarawak pada setiap tahun. Tujuannya adalah untuk membincangkan persoalan-persoalan budaya, bahasa dan sastera serta meningkatkan mutu karya para penulis Sarawak. Pada tahun 1982, badan-badan ini telah bergabung di bawah Organisasi Gabungan Persatuan Penulis Sarawak (GPPS). GPPS berjaya menganjurkan kegiatan sastera bersifat kebangsaan pada tahun 1984 apabila organisasi tersebut bersama-sama GAPENA mengadakan Hari Puisi Nasional Kesembilan di Sematan, bahagian pertama di Sarawak. Pada tahun berikutnya, 1985, GPPS diterima menjadi ahli GAPENA. Di samping terlibat dalam penganjuran pelbagai seminar, diskusi, forum dan pembacaan puisi, GPPS juga berhasil menerbitkan beberapa buah antologi sajak seperti *Sayang Sarawak*, *Sematan* dan *Lagu Malam* serta menganjurkan Hadiah Penulisan Shell – GPPS pada tahun 1984 bagi genre sajak, cerpen dan esei. Pada tahun 1985, GPPS diberi penghormatan menjadi tuan rumah dalam acara sambutan memperingati ulang tahun ke-15 penubuhan GAPENA. Aktivis yang menerajui GPPS sejak ditubuhkan ialah Adi Badiozaman Tuah dan Saiee Driss.

Kehadiran Dewan Bahasa dan Pustaka di Sarawak pada tahun 1980-an telah membuka ruang kepada penulis-penulis tempatan untuk mengembangkan bakat mereka. Hasil daripada pelbagai peraduan penulisan kreatif, muncul penulis-penulis berbakat seperti Abdullah SM, Benedict Talip, Jeniri Amir, Jong Chian Lai, Zakaria Embi, Jais Sahok, Esmawy, Haji Husly, Openg Onn, Ratnawati Jamil, Jamilah

Morshidi, Median Haji Dahlan, Awang Rosli Awang Jaya, Chan Khun Neng dan Awangku Merali dan Pengiran Mohamed. Penulis-penulis lama seperti Saiee Driss, Zaini Ozea, A.B. Nor, Adi Badiozaman Tuah dan Jeli Bohari Biha terus memberi sumbangan dalam era ini (Hamzah Hamdani, 2004). Penulis-penulis yang memenangi hadiah selalunya diberi bimbingan melalui Bengkel Penulisan Kreatif oleh penulis-penulis terkenal dari Semenanjung seperti Hashim Awang, Ajikik, Abdullah Tahir, Othman Puteh, Anwar Ridhwan, Dharmawijaya, Rubaidin Siwar dan Dinsman.

Pada dekad 1930-an hingga 1940-an, salah seorang tokoh sasterawan dari Sarawak yang penting ialah Muhammad Bujang yang menggunakan nama pena Melati Sarawak. Beliau terlatih sebagai seorang guru di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Cerpen-cerpen beliau tersiar dalam *Warta Jenaka* dan *Warta Malaya* pada tahun-tahun 1937/1938. Selain cerpen, beliau juga menulis puisi dan rencana. Sebuah cerpen beliau berjudul “*Siapa Salah?*” turut dimuatkan dalam antologi cerpen *Malaysia Sebelum Perang Dunia Ke-2* yang diselenggarakan oleh Hashim Awang (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988). Cerpen tersebut pertama kali terbit dalam *Warta Malaya*, bertarikh 28 Februari hingga 3 Mac 1938. Sebelum itu karya Mohammad Bujang telah diterbitkan dalam buku berjudul *Kenangan Budi* yang diselenggarakan oleh Phillip Lee Thomas dan Habibah Chesi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

Di awal dekad 1970-an, tokoh sastera penting dari Sarawak ialah Adi Badiozaman Tuah, seorang guru yang mendapat pendidikan dari Universiti Malaya. Beliau ialah tokoh pertama dari Sarawak yang memenangi Hadiah Karya Sarawak

dengan puisi berjudul “Penagih Sepi”, beliau memenangi hadiah Karya Sastera 1975 (lihat Anak Bumi Tercinta: Antologi Hadiah Karya sastera 1975, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977). Adi Badiozaman Tuah prolific dalam dekad 1980-an. Puisi-puisi beliau turut termuat dalam beberapa antologi bersama yang bertaraf kebangsaan seperti *Puisi Sepanjang Zaman* yang diselenggarakan oleh Kamaruzzaman Abdul Kadir (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), *Malaysia Dalam Puisi* selenggaraan Ahmad Kamal Abdullah dan Ahmad Razali Haji Yusof (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991) dan *Sehijau Warna Daun: Antologi Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah Tingkatan 1* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000).

Saiee Driss ialah seorang lagi antara penyair terkemuka Sarawak. Saiee Driss pernah mendapat Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1986/87 dengan puisi berjudul “Di Sebalik Pintu Pertemuan”. Pada tahun 1989, Puisi “Beting Maru” memenangi Hadiah Puisi Kebangsaan ESSO-GAPENA I (*Di Atas Mimbar Merdeka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), yang dijadikan teks Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan. Puisi-puisi Saiee Driss turut termuat dalam beberapa antologi puisi bersama di peringkat kebangsaan seperti *Langit di Tangan* (1995) yang diselenggarakan oleh Rahman Shaari dan Siti Zainon Ismail, *Puisi Baharu Melayu 1961-1986* (1990) yang diselenggarakan oleh Ahmad Kamal Abdullah dan Ahmad Razali Haji Yusof dan *Gurindam Alam* (1994) yang diselenggarakan oleh Dharmawijaya. Puisi beliau turut termuat dalam antologi 10 penyair Sarawak iaitu *Puisi-Puisi Kenyalang I* (1994) selenggaraan Jeniri Amir. Kumpulan puisi beliau ialah *Bumi Masih Hijau* dan *Makna* yang diterbitkan oleh Gabungan Persatuan Penulis Sarawak dan *Surat Putih* (1991) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam projek khas untuk menampilkan penulis muda

berbakat. Sehingga kini, kumpulan puisi berkenaan adalah satu-satunya kumpulan puisi perseorangan karya penulis Sarawak yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jong Chian Lai dapat dianggap sebagai karyawan Sarawak yang paling menonjol dalam arus perdana sastera kebangsaan. Banyak hadiah sastera yang telah diraih beliau sejak awal 1980-an hingga dekad 1990-an. Beliau sudah tiga kali memenangi Hadiah Sastera Malaysia genre cerpen melalui karyanya iaitu "*Tanah Bukit*" (1984/1985), "*Siapa Pembunuh Anakku*" (1986/1987) dan "*Pemberontakan*" (1988/1989). Jong Chian Lai memenangi hadiah sagu hati Hadiah Cerpen Maybank-DBP II (1989) dengan cerpen "*Dunia Orang Tua*" dan hadiah pertama Hadiah Cerpen Maybank-DBP III (1990) dengan cerpen berjudul "*Antara Ombak Keributan*". Hadiah ini terbuka kepada para penulis Malaysia dan bahasa ibundanya bukan bahasa Melayu, iaitu hadiah dalam kategori A. Untuk hadiah dalam kategori B, iaitu cerpen-cerpen yang tersiar dalam *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya*, Jong Chian Lai memenangi hadiah sagu hati dengan cerpen "*Menziarahi Dunia Sebayan*" dalam Hadiah Cerpen Maybank-DBP IV (1994/1995), namun dalam hadiah siri ketiga (1993), beliau mendapat hadiah pertama dengan cerpen berjudul "*Meroboh Tembok*". Sebelum itu, pada tahun 1984, Jong Chian Lai pernah memenangi hadiah sagu hati cerpen ESSO-GAPENA V dengan cerpen "*Penambang*". Di peringkat negeri Sarawak, Jong Chian Lai pernah memenangi pelbagai hadiah dalam genre novel dan cerpen serta Anugerah Sastera Negeri Sarawak. Hadiah terbesar yang pernah dicapai oleh Jong Chian Lai ialah hadiah kedua (tiada pemenang hadiah pertama) bagi Hadiah Novel ESSO-GAPENA I (1993) berjudul *Pemberontakan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994) setebal 519 halaman. Selain itu, Jong Chian Lai

mendapat hadiah sugu hati genre cerpen bagi Formula Malaysia 2000. Novel-novel lain karya Jong Chian Lai ialah *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1986), *Pindah* (1987), *Buaya Putih Buaya Kudung* (1992), dua kumpulan cerpen *Musim Terakhir* (1998) dan *Bunga Rimba* (1997). Cerpen-cerpen beliau juga turut termuat dalam pelbagai antologi bersama di peringkat kebangsaan seperti *Dongeng Merdeka* (1985), selenggaraan Othman Puteh dan Ramli Isin, *Alun Menggulung Perlahan* (1986), selenggaraan Othman Puteh, *Hari Kemerdekaan* (1987) selenggaraan Ramli Isin dan Sahlan Mohd. Saman, *Angin dan Gubung* (1998) selenggaraan Abdullah Tahir, *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2* (1998) selenggaraan Othman Puteh, *Tetamu dari Langit* (1990) selenggaraan Hashim Awang dan Ramli Isin, *Mereka Tidak Mengerti* (1991), selenggaraan Hashim Awang, dan *Guruh* (1995) selenggaraan Othman Puteh. Atas ketokohan tersebut, Jong Chian Lai terpilih sebagai ‘Karyawan Bulan Ini’ majalah *Dewan Sastera*, April 2000.

Awangku Merali Pengiran Mohamed ialah seorang lagi penulis cerpen yang menyerlah pada awal dekad 1980-an di Sarawak. Beliau telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/1985 dengan cerpen berjudul “*Angin dari Senayan*”. Pada tahun 1991, Awangku Merali memenangi dua hadiah besar dalam Hadiah Cerpen ESSO-GAPENA VIII, iaitu hadiah pertama (*Cerita dari Sebuah Taman*) dan hadiah ketiga (*Ber(se)lindung di Sebalik Gunung*). Disebabkan bakat yang menyerlah, cerpen beliau turut dimuatkan dalam buku *Cerpen Malaysia Selepas Perang Dunia Ke-2* (1988) selenggaraan Othman Puteh. Ketika Dewan Bahasa dan Pustaka memulakan program penataran sastera untuk penulis Malaysia dan Jakarta, Awangku Merali mendapat kesempatan pertama.

Seorang lagi karyawan Sarawak yang rajin muncul dalam arus perdana sastera kebangsaan ialah Jais Sahok. Beliau pernah memenangi hadiah sagu hati Hadiah Cerpen ESSO-GAPENA siri V (“Engkabang” – 1984), siri VII (“Luka Tidak Berdarah” – 1988) dan siri VIII (“Garis Panorama” – 1991). Cerpen-cerpen Jais Sahok pernah tersiar dalam majalah *Dewan Sastera*. Dalam genre drama pentas, Jais Sahok pernah mendapat hadiah utama dalam peraduan menulis skrip drama pentas di peringkat kebangsaan. Sumbangan penting beliau ialah genre novel, antara yang penting ialah *Buhul-buhul Kasih*, *Bermulanya di sini* dan *Persimpangan* (1988) di samping banyak novel remaja yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Benedict Talip meskipun tidak begitu menyerlah dalam arus perdana sastera kebangsaan, namun beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1984/1985 menerusi puisinya berjudul “*Murud, Bermalam di Gunung Berpaut di Daerah Sepi*”. Benedict Talip ialah salah seorang penyair penting Sarawak dan puisi-puisi beliau turut termuat dalam antologi *Puisi-puisi Kenyalang I* (1984) selenggaraan Jeniri Amir dan *Puisi Baharu Melayu 1961-1986* (1990) selenggaraan Ahmad Kamal Abdullah dan Ahmad Razali Haji Yusof.

Penulis-penulis Sarawak yang lain yang pernah memenangi hadiah sastera di peringkat kebangsaan ialah Yusuf Mustanir menerusi cerpen berjudul *Tanah Emas* mendapat sagu hati Hadiah cerpen ESSO-GAPENA VII (1988), Tego Bilong juga mendapat hadiah sagu hati Cerpen ESSO-GAPENA IX( 1994/1995) menerusi cerpennya berjudul *Anekdote Seorang Pejuang*. Livis Empanang Taka melalui cerpen *Demi Sebuah Kemerdekaan* memenangi hadiah kedua hadiah Cerpen Maybank-

DBP V (1995), Lucas Takip menerusi cerpennya berjudul *Hijau Bumi Kemarai* juga mendapat sagu hati Hadiah cerpen Maybank-DBP V - Kategori B (1998), Khatem Ariffin menerusi cerpen *Biarkan kami di Sini* telah mendapat sagu hati Hadiah Cerpen ESSO-GAPENA X (1997) dan Latifah Haji Shebli menerusi karya beliau, iaitu cerpen *Kita Anak Merdeka* sebagai penerima hadiah Puisi Kebangsaan anjuran ESSO-GAPENA III.

Di samping itu, beberapa penulis Sarawak pernah mendapat tempat dalam media penerbitan kebangsaan seperti *Dewan Sastera*, antaranya ialah Zaini Oje, Abdillah SM, Zakaria Embi, Mergi Leo, Ratnawati Jamil, Hajijah Jais, Dahiri Saini dan Roslan Jomel. Beberapa penyair Sarawak pula mendapat peluang melalui ruangan Persada Puisi *Dewan Sastera*, iaitu Hipani Alwi, Abizai Abi dan Noor Abby.

Beberapa penulis berjaya menghasilkan buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, yang tersebar di peringkat kebangsaan. Jamilah Morshidi ialah antara yang menyerlah. Beliau menghasilkan novel kanak-kanak *Gadis Bernama Lina* (1982), novel remaja *Seorang Gadis Sebuah Harapan* (1985) dan novel dewasa *Kenyalang Terbang Bebas* (1987). Haslinda Nong Chee menghasilkan kumpulan cerpen *Rindu Sang Puteri* (1998). Seorang penulis Iban iaitu Douglas Jaga, menghasilkan novel *Kelingkang* (1998). Sebuah novel berbentuk biografi berjudul *Zain Hashim* (1997) dihasilkan oleh Buang Haji Umar. Beberapa lagi novel dihasilkan oleh Reset Salleh, Awang Rosli Awang Jaya dan Median Haji Dahlan. Usaha penerbitan buku pelbagai genre sastera yang dijayakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, hasil pelbagai peraduan penulisan dan

penghargaan penulis, berjaya mengetengahkan bakat-bakat penulis Sarawak ke dalam arus perdana sastera kebangsaan. Antaranya ialah genre drama, iaitu *Bumiku Oh Bumiku* (1987) dan *Jantungnya Berdegup Lagi* (1991).

Walau bagaimanapun, kajian ini akan cuba menyingkap dengan lebih dekat seorang lagi tokoh penulisan puisi kelahiran Bumi Kenyalang yang banyak menghasilkan kumpulan puisi persendirian iaitu Abizai, nama pena bagi Zainal Abidin bin Haji Suhaili. Hasil penulisan Abizai kerap menerima pengiktirafan, sama ada dalam sayembara penulisan mahupun anugerah sastera di peringkat negeri atau kebangsaan, melalui kaca mata keindahan bahasa dan tema ketuhanan.

Abizai merupakan nama pena bagi Zainal Abidin Haji Suhaili. Beliau dilahirkan di Kuching, Sarawak pada 19 September 1966. Beliau mendapat pendidikan sehingga lulus SPM dari SMK Dato Permaisuri, Miri dan memperolehi Diploma Pengurusan Sukan (PPJSKM) sebelum memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sastera dari USM pada tahun 2012. Abizai mula menulis sajak pada awal tahun 1980-an dengan menulis puisi, cerpen dan rencana sastera. Karyanya banyak tersiar dalam pelbagai akhbar dan majalah tanah air seperti *Pelita Minggu*, *Mingguan Malaysia*, *Dewan Sastera*, *Pelita Bahasa*, *Utusan Sarawak*, *The Borneo Post*, *Malay Literature* dan lain-lain lagi. Kumpulan puisi perseorangan yang pernah diterbitkan beliau berjudul *Seekor Kelawar di Kamar Pengantin* (1989), *Mengenal Yang Asal* (2000), *Membentuk Elok di Teluk Esok* (2001) dan *Sang Kelawar Kesiangan* (2010). Manakala antologi bersama pula ialah *Randau di Pulau*, *Dongeng Kembara*, *Perkasihan Musim*, *Satu Perasmian*, *Simfoni dari Utara*, *Cetera '94*, *Menganyam Kedukaan*, *Peta Seniman*, *Gema Membelah Gema 12*,

*Gema Membelah Gema13, Gema membelah Gema 14, Gema Membelah 15, Kota Asas Tamadun Bangsa, Caturangga, Pelagus, Wajah Kita, Nyanyian Pulau-Pulau, Ratib Seribu Syair, Antologi Sasterawan 2005, Penangkapan Ramarama dan Kelawar, Sejadah Hijrah, Belati Cinta Zulaikha, Emas Tempawan, Alam yang Hijau, Mengabdi Melestari, Rumpun Kita dan Anak Global, Dari Jendela Zaman ini: Antologi Puisi Malaysia & Singapura dan Antologi Puisi Malaysia-Thailand.* Puisi-puisi beliau juga telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Thai dan Tamil.

Abizai bergiat aktif dalam Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) dan kini memegang jawatan Ketua 1 sejak tahun 2002. Beliau pernah mewakili Malaysia ke Program Penulisan MASTERA: Puisi di Bogor, Indonesia pada bulan Ogos 2002. Sajak beliau yang berjudul “Kembali Gawai Rindu Terlerai” menjadi kajian dalam teks Kesusasteraan Melayu (Elektif) Tingkatan 4 mulai tahun 2010. Selain itu, sajak beliau yang berjudul “Kembali Lidah Anakku Berbelang-belang” juga telah terpilih untuk dimuatkan dalam antologi teks mata pelajaran sastera Tingkatan 4 dan 5 mulai tahun 2015. Abizai pernah bertugas dalam bidang perbankan selama 25 tahun dan kini, beliau mengusahakan toko buku sendiri di Bandar Raya Miri, Sarawak.

Abizai juga terlibat aktif dalam persatuan dan pelbagai program. Beliau merupakan AJK dalam GAPENA bermula pada tahun 2002 sehingga kini. Abizai pernah dilantik sebagai hakim bagi Pertandingan Deklamasi Puisi/Pantun Peringkat Sekolah Tempatan dan Negeri pada tahun 1997, 1998, 2000, 2002, 2005, 2007 dan 2008. Beliau juga pernah menjadi ketua fasilitator bagi Program PPS dan Khidmat

Negara pada tahun 2005 dan menjadi pembimbing bagi Perhimpunan Penulis Muda Peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan pada tahun 2004.

Berbekalkan kecintaan terhadap dunia sastera dan penulisan, Abizai telah terlibat dalam beberapa pembentangan kertas kerja. Antaranya dalam Perhimpunan Karyawan Sarawak 2013, Bicara Karya PUTERA 2012, Hari Puisi Nasional 2011, Perhimpunan Penulis Muda Malaysia 2005, Kolokium 25 PUTERA 2002, Pengucapan Puisi Bandar Raya 2003, Perkampungan Penulis Muda Malaysia 2003, Temu Sastera Indonesia-Malaysia (wakil Malaysia) 2015, Bicara Memperkasakan Penulis Sarawak 2016, Dialog Teluk 2017 dan Dialog Kalimantan ke-12 di Pontianak, Indonesia pada tahun 2017.

Abizai telah mewakili Malaysia sebagai ahli panel forum sastera melalui program Dialog Borneo-Kalimantan 2007, Perhimpunan Penyair Nusantara 3, 2009 dan Simposium Penulis Pelbagai kaum Malaysia 2012. Beliau juga pernah mewakili Malaysia sebagai peserta program Pertemuan Sasterawan Nusantara 2012, Festival Puisi Warisan Dunia 2008, Program Penulisan MASTERA 2002 dan Temu Sastra Indonesia-Malaysia 2015. Bukan itu sahaja, malahan Abizai telah diundang sebagai tokoh sastera jemputan melalui program PPSB dan Khidmat Negara 2006. Di samping menulis, beliau juga giat mencipta dan menyanyikan lagu-lagu puisi ciptaannya sendiri dalam pelbagai acara semenjak 1986 sehingga kini serta terlibat sebagai pengulas dan pembimbing sajak bagi ruangan Wadah Bahasa dan Sastera, Utusan Sarawak semenjak 2014 sehingga kini.

Abizai telah melakar kecemerlangan sepanjang penglibatannya dalam dunia penulisan puisi. Antara kejayaan yang beliau perolehi adalah sebagai penerima Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak pada tahun 1991,1995, 1996, 1997, 1998, 1999, 2000, 2003, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2013, 2014 dan 2016. Beliau juga merupakan penerima Hadiah Sastera Sarawak (genre esei kritikan) pada tahun 2001 dan 2015. Beliau memenangi tempat pertama Hadiah Galakan Sastera Sarawak (genre puisi) pada tahun 1993/1994, tempat ketiga Peraduan Menulis Puisi Anti-dadah pada tahun 1994, tempat ketiga Peraduan Menulis Puisi Bulan Bahasa pada tahun 1997, Hadiah Sastera Kebangsaan Negeri Sarawak (genre puisi) daripada Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 1997, menerima Hadiah Sastera Perdana Malaysia melalui kumpulan puisi *Membentuk Elok di Teluk Esok* pada tahun 2000/2001, menerima hadiah penghargaan kategori puisi, Hadiah Sastera Kumpulan Utusan pada tahun 2003 dan 2007, hadiah sagu hati sastera Islam pada tahun 2005 dan hadiah penghargaan Menulis Puisi Kepenggunaan pada tahun 2006. Pada 2006/2007, Abizai sekali lagi menjadi penerima Hadiah Sastera Perdana Malaysia melalui puisi berjudul “Hujung dan Pangkal” dan mengulangi kejayaan yang sama melalui puisi “Tidak Bertemu Mutiara” pada tahun 2008/2009. Abizai terus melakar kecemerlangannya sebagai penyair di Malaysia dengan menerima hadiah sagu hati kategori puisi, *Sayembara Penulisan PENA-BH* pada tahun 2015, penerima Anugerah Buku Puisi Terbaik, *Anugerah Buku Sarawak* pada tahun 2016, hadiah penghargaan, *Hadiah Menulis Puisi Islam Asean* pada tahun 2016, penerima hadiah utama kategori puisi, *Hadiah Sastera Kumpulan Utusan* pada tahun 2016, penerima hadiah penghargaan kategori puisi, *Hadiah Sastera Kumpulan Utusan* pada tahun 2016, penerima hadiah penghargaan kategori puisi, *Hadiah Sastera*